

## CUTI TAHUNAN

Berapa hari/kah cuti tahunan yang dibayar bagi seseorang pekerja yang layak diterima dalam setahun perkhidmatan?

Tertakluk apa yang dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan yang telah ditandatangani dan dipersetujui oleh kedua belah pihak

Jika sekiranya tidak ada dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan yang telah ditandatangani, cuti tahunan adalah tertakluk kepada jumlah tahun berkhidmat dengan majikan sepertiimana yang dinyatakan di dalam Perintah Pekerjaan, 2009.

## CUTI SAKIT

Berapa hari/kah cuti sakit yang dibayar bagi seseorang pekerja yang layak diterima dalam setahun perkhidmatan?

14 hari cuti sakit dalam setahun dan 60 hari cuti sakit jika bertahan di dalam hospital dalam setahun (termasuk 14 hari cuti sakit).

## CUTI BERANAK

Setiap pekerja tempatan dan penduduk tetap adalah berhak untuk menerima cuti beranak selama 15 minggu (105 hari) seperti berikut:-

- Tempoh 2 minggu sebelum bersalin;
- Tempoh 13 minggu sejurus selepas bersalin.



### ALAMAT EMAIL

Info: [buruh@buruh.gov.bn](mailto:buruh@buruh.gov.bn)  
led@buruh.gov.bn



### LAMAN WEB

[www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn)



### HOTLINE

+673 238 1848  
(Waktu bekerja)



+673 729 8989  
(Selepas waktu bekerja)

### JABATAN BURUH

Jalan Dewan Majlis  
Bandar Seri Begawan, BS3910  
Negara Brunei Darussalam



JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

PERINTAH PEKERJAAN  
2009



GARISPANDU PEKERJA BAGI  
PEMBAYARAN GAJI, JAM  
BEKERJA, HARI REHAT DAN CUTI  
DI SEKTOR SWASTA

## PEMBAYARAN GAJI

Tempoh pembayaran gaji hendaklah tidak boleh melebihi satu bulan.

Seseorang pekerja hendaklah dibayar gajinya sebulan sekali dalam masa 7 hari selepas tamat tempoh gaji.

Manakala pembayaran gaji kerja lebih masa (overtime) mestilah dibayar dalam masa 14 hari selepas tarikh tamat tempoh gaji.

**Mana-mana majikan yang gagal untuk membayar gaji pekerja, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari BND\$3,000.00, dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.**

## JAM BEKERJA

Berapa jam pekerja dijangka untuk bekerja dalam satu hari/seminggu?

**Pekerja Bukan Syif**  
Jam bekerja hendaklah tidak boleh melebihi 8 jam sehari atau lebih dari 44 jam seminggu.

**Pekerja Syif**  
Jam bekerja tidak boleh melebihi purata 44 jam seminggu atas mana-mana tempoh yang berterusan selama 3 minggu tertakluk kepada maksima 12 jam sehari.

## BEKERJA LEBIH MASA (OVERTIME)

Mana-mana kerja yang lebih daripada jam bekerja yang telah ditetapkan iaitu selama 8 jam sehari ataupun 44 jam seminggu adalah dianggap sebagai kerja lebih masa (overtime).

Berapa jam maksima kerja lebih masa pekerja dijangka untuk bekerja dalam sehari pada lazimnya?

Pekerja adalah tidak dibenarkan untuk bekerja lebih dari 12 jam sehari (termasuk kerja lebih masa).

Kerja lebih masa hendaklah dibayar kepada pekerja jika dikehendaki bekerja di luar jam bekerja yang telah dipersyaratkan di dalam kontrak

## Formula Bagi Pembayaran Kerja Lebih Masa Kadar Asas Gaji Sejam X 1.5 X Jam Bekerja Lebih Masa

Had bekerja lebih masa yang dibenarkan bagi pekerja dalam sebulan adalah sebanyak 72 jam.

**Mana-mana majikan yang gagal untuk membayar jam bekerja lebih masa, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari BND\$3,000.00, dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.**

## HARI REHAT

Seseorang pekerja berhak mendapat satu (01) hari rehat pada setiap minggu. Hari rehat hendaklah diberikan pada hari Ahad atau mana-mana hari lain.

## HARI KELEPASAN AWAM

Setiap pekerja berhak menerima cuti awam sebanyak 11 hari dalam setahun seperti berikut:

- 1) 1 Januari (Awal Tahun Masih)
- 2) Awal Tahun Hijrah
- 3) Tahun Baru Cina
- 4) 23 Februari (Hari Kebangsaan NBD)
- 5) Maulud Nabi Muhammad SAW
- 6) 15 Julai (Hari Keputeraan KDYMM)
- 7) Awal Ramadhan
- 8) Memperingati Nuzul Al-Quran
- 9) Hari Raya Aidilfitri
- 10) Hari Raya Aidiladha
- 11) 25 Disember (Hari Krismas)

**Mana-mana majikan yang gagal untuk menyediakan hari rehat, jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari BND\$800.00, dan untuk kesalahan kedua atau seterusnya dikenakan denda tidak melebihi BND\$1,600.00 dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.**